

## SIARAN MEDIA



### **“KARNIVAL PERUMAHAN - COLOURS OF UDA CARNIVAL @ SOUTH, MERIAH”**

**Johor Bahru, 17 Ogos 2018** – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikatnya UDA Property menganjurkan karnival perumahannya, ‘**Colours of UDA Carnival @ South**’, bermula hari ini. Pameran pertama telah diadakan di Pulau Pinang di mana telah berjaya menarik lebih daripada 2000 pengunjung. Karnival kali kedua penganjurannya ini mensasarkan penjualan melebihi 30 jenis pilihan harta tanah yang dibina untuk semua lapisan masyarakat. ‘**Colours of UDA Carnival @ South**’ yang dirasmikan oleh YB Liow Cai Tung, Exco Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor turut disertai oleh Ybhg. Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings Berhad pada 17 August 2018 di Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru. Karnival ini akan berlangsung selama tiga hari bermula 17 Ogos hingga 19 Ogos 2018.

Penganjuran ‘**Colours of UDA Carnival @ South**’ adalah salah satu inisiatif UDA untuk mencipta peluang dan pilihan kepada orang ramai untuk memiliki harta tanah. Dengan pelbagai jenis harta tanah di pelbagai lokasi serata Semenanjung Malaysia, UDA turut mengetengahkan harta tanah dengan pelbagai rangkaian harga bermula dari kos rendah hingga ke mewah. Usaha ini turut mencipta peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan harta tanah sama ada kediaman atau komersial yang mengikut kesesuaian serta keperluan masing-masing. Selain itu, pengunjung juga boleh mendapatkan pakej-pakej promosi yang menarik dari perniagaan perhotelan serta perniagaan pusat beli-belah melalui pameran dari Kumpulan Ancasa Hotel & Resort, Bahagian Angsana Mall. Bahagian perkhidmatan pengurusan fasiliti melalui anak syarikat UDA iaitu UDA Dayaurus juga turut mempamerkan perkhidmatan pengurusan fasiliti untuk semua yang berminat.

## **Pelbagai Jenis Hartanah Dipamerkan**

Objektif utama pengajuran ‘Colours of UDA Carnival @ South’ adalah untuk mempamerkan semua projek dibawah UDA Property. Selain itu, ia turut memberi ruang bagi perniagaan anak syarikat untuk mempromosikan rangkaian pusat membeli-belah Angsana Mall, rangkaian Ancasa Hotel & Resort dan juga UDA Dayaurus, yang menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti.

Antara hartaanah yang dibawakan pada karnival itu merangkumi hartaanah sedia ada dan yang bakal dibangunkan seperti berikut :-

### **1. Sedia Ada**

- JOHOR - Rosa Terraces (teres 2 tingkat), Plumeria Avenue (teres 2 tingkat), Neuvo Centro 2 (kedai pejabat 2 & 3 tingkat) & UDA Heights (banglo 2 tingkat)
- KUALA LUMPUR - Anggun Residences (pangsapuri perkhidmatan), Lake Vista (apartment)
- LEGASI - Legasi Kampong Bharu (apartment)
- PULAU PINANG - Wakaf Mohammad Hashim (apartment), K-Parc Complex (Kangar, komplek), Elevate (kedai Pejabat), Evoke Residences (kondominium), Crescent Dew (banglo dan rumah berkembar), Scarlet (superlink), Arcaria (banglo), Prima 7 (rumah kedai), Serdang Business Centre (kedai Pejabat)
- TERENGGANU – Coast (komersial), Pelindung Heights (banglo), KTGR Phase 1 (banglo)

### **2. Bakal Dibangunkan**

- JOHOR - Pisonia (superlink), Areca Residents (teres 2 tingkat), Desaru Park City (pembangunan bercampur)
- KUALA LUMPUR - 38 Bangsar (kondominium), Dedaun Heights (apartment)
- LEGASI - Legasi Cochrane (apartment), Legasi Sepang (teres 1 & 2 tingkat)

➤ **TERENGGANU - K. Lagenda 1A (pembangunan bercampur)**

Selain itu, UDA turut membawakan perniagaan anak syarikat lain seperti UDA Mall Sdn Bhd (Angsana Mall Johor Bahru, Angsana Ipoh Mall dan Pertama Complex) serta Kumpulan Ancasa Hotel (Ancasa Pudu, Ancasa Port Dickson, Ancasa Royale Pekan).

**UDA Lancarkan 'UDA Property App'**

Bersempena dengan pembukaan '**Colours of UDA Carnival @ South**', UDA turut melancarkan aplikasi 'UDA Property Apps' yang memudahkan pembeli meninjau harta tanah di hujung jari.

**Peroleh Pengetahuan Tentang Hartanah, Kewangan Dan Pemasaran**

Karnival yang berlangsung selama tiga hari itu turut membawa tiga individu terkemuka dalam bidang harta tanah, kewangan dan pemasaran bagi berkongsi ilmu tentang kepakaran masing-masing. Antara perkongsian yang dibawakan pada karnival itu adalah 'The Solution Session' bersama Abang Abu (The Money Mechanic) dengan topiknya 'Financial Fitness Tips – Money Diet'. Selain itu, pengujung turut berkesempatan bertemu dengan Faizul Ridzuan (CEO of FAR Capital Sdn Bhd) menerusi slot 'Meet The Property Guru' dengan topik perkongsian 'The New Malaysia – What's The Next Big Trend in Property Market?' selain turut dapat meluangkan masa bersama Najib Asaddok (CEO of Momentum Internet) di slot 'Braindates' dengan topik 'How to be a Digital Millionaire with Online Rocket Marketing Formula'.

**Tabung Sayangi Malaysiaku**

UDA sentiasa peka dan prihatin pada golongan yang memerlukan. Bersempena dengan penganjuran karnival dan bulan kemerdekaan, UDA turut menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyalurkan sumbangan ke tiga buah rumah kebajikan yang terletak di Johor Bahru dan terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sumbangan yang disalurkan menerusi 'Tabung Sayangi Malaysiaku' itu akan menyampaikan sumbangan ke tiga rumah kebajikan di Johor Bahru iaitu; Pertubuhan Kebajikan Shafar, Rumah Orang-orang Tua Sukarela dan Persatuan

Kebajikan Orang-orang Istimewa. Setiap rumah bakal menerima sumbangan sebanyak RM3,000 menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM9,000.

Menariknya, pengunjung berpeluang mengambil bahagian dalam sumbangan berkenaan dengan menulis impian mereka di atas kad ucapan dan digantungkan di 'Merdeka Wishing Tree' yang disediakan sepanjang karnival berlangsung. Sebanyak 3,000 kad disediakan dan setiap kad bernilai RM3 dengan setiap RM1 dari kad itu akan disumbangkan pada tiga rumah kebajikan berkenaan. Kad boleh didapati secara percuma dan kad dengan ucapan terbaik bakal menerima hadiah. Sebanyak 12 hadiah disediakan untuk enam slot dan setiap hari dua slot akan dibuka dengan setiap slot menyediakan dua hadiah untuk pemenang bertuah.

### **Aktiviti Menarik Sepanjang Karnival**

Menariknya lagi, pengunjung turut berpeluang mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang disediakan sepanjang tiga hari karnival itu berlangsung. Antara aktiviti menarik yang menanti pengunjung adalah 'Dinosaur Alive Show' yang membawakan raksasa purba secara 'langsung' pada 18 dan 19 Ogos 2018. 3000 tiket yang diedarkan secara percuma sejak 1 Ogos 2018 telah habis ditebus dalam masa beberapa hari sahaja di UDA Land South.

Selain itu, pengunjung turut berpeluang mengambil bahagian dalam pop kuiz dan permainan pentas serta 'Colour Your Own Flag' sempena bulan kebangsaan. Penunjung turut berpeluang menonton persembahan istimewa 'Cheerleaders Performance' dan 'Mask Changing Performance'. Menariknya, karnival yang sesuai dihadiri seisi keluarga ini turut menganjurkan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Kemuncak dan penutup '**Colours of UDA Carnival @ South**' bakal menyaksikan persembahan dari penyanyi terkemuka Hafiz Suip pada 19 Ogos 2018, jam 4.00 petang.

---

**TAMAT**

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan harta tanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my) atau Facebook [www.facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <input type="checkbox"/> <b>Latifah Osman (LAT)</b>     |  | <b>lat@udanet.com   +6012 291 5427</b>       |
| <input type="checkbox"/> <b>Nor Hanisah Kamaruzaman</b> |  | <b>n.hanisah@udanet.com   +6013 597 4264</b> |

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855